

D964

U B605 BAH  
MAHATHIR-DAP

KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU TIDAK PERNAH MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM KIT SIANG BAGI MEMBINCANGKAN PENYERTAAN DAP DALAM BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BN BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA KETIKA DIMINTA MENGESAHKAN SAMA ADA BENAR KHABAR-KHABAR ANGIN MENGATAKAN PERJUMPAAN ITU DIADAKAN.

BELIAU JUGA DIMINTA MENGULAS CADANGAN BEKAS PRESIDEN MCA DATUK DR NEO YEE PAN SUPAYA DAP MENYERTAI BN UNTUK MEMPERTEGUKAN LAGI KESTABILAN POLITIK NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU BERPENDAPAT NEGARA INI PERLU ADA SEDIKIT PEMBANGKANG KERANA KERAJAAN SATU PARTI TIDAK BOLEH +MENDAPAT GAMBARAN TENTANG DIRINYA SENDIRI.+

+SAYA TIDAK BERKATA BAHAWA SAYA TIDAK SUKA DENGAN CADANGAN ITU TETAPI KITA PERLU ADA PEMBANGKANG,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1628MST 18 10 86